

**BAB 4 : KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH
(STRUKTUR)**

7. Nabi Muhammad SAW dilahirkan pada 20 April, tahun 570 M. Bapa baginda meninggal dunia pada ketika baginda masih dalam kandungan ibunya.

(a) Siapakah yang pernah menjaga nabi Muhammad SAW selepas ibu bapanya meninggal dunia?

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Apakah pekerjaan yang pernah nabi Muhammad SAW lakukan sebelum menjadi rasul.

[2 markah]

(c) Walaupun kedudukan baginda tinggi dan dihormati oleh masyarakat tetapi baginda sentiasa merendah diri.
Buktikan pernyataan di atas.

[3 markah]

(d) Nabi Muhammad SAW amat menyayangi kanak-kanak dan orang tua.
Bagaimanakah anda melakukan amalan ini dalam kehidupan seharian.

[3 markah]

**BAB 4: KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA
DI MEKAH
(ESEI PENDEK)**

8.

Dakwah Islamiah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat Arab Quraisy.

- (a) Apakah cara-cara yang dilakukan oleh masyarakat Arab Quraisy bagi menggagalkan dakwah tersebut.

[4 markah]

- (b) Mengapakah penentangan terhadap dakwah Islamiah dilakukan oleh masyarakat Arab Quraisy.

[8 markah]

- (c) Keperibadian Nabi Muhammad SAW menyelesaikan masalah menjadi contoh kepada masyarakat hari ini.

Huraikan sifat keperibadian baginda yang boleh anda amalkan bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

[8 markah]

**Bab 4 : Kemunculan Tamadun Islam dan Perkembangnya di Makkah
(Struktur)**

| Soalan 7 | | Perincian / Butiran | Markah |
|----------|----|--|--------|
| a | | Siapakah yang pernah menjaga nabi Muhammad SAW selepas ibu bapanya meninggal dunia? | |
| | F1 | Halimatus Sa'diyah | 1 |
| | F2 | Abdul Muttalib | 1 |

| | | | |
|---|----|--|-------------------|
| | F3 | Abu Talib (Mana-mana 2 x 1m) | 1 [2 markah] |
| b | | Apakah pekerjaan yang pernah nabi Muhammad SAW lakukan sebelum menjadi rasul. | |
| | F1 | Mengembala kambing | 1 |
| | F2 | Mengikut rombongan perniagaan | 1 |
| | F3 | Berniaga (Mana-mana 2 x 1m) | 1 [2 markah] |
| c | | Walaupun kedudukan baginda tinggi dan dihormati oleh masyarakat tetapi baginda sentiasa merendah diri. Buktikan pernyataan di atas. | |
| | F1 | Sifat pengasih | 1 |
| | F2 | Bertimbang rasa | 1 |
| | F3 | Membantu isterinya memasak/melayan anak | 1 |
| | F4 | Gaya hidup sederhana | 1 |
| | F5 | Bergaul pada semua lapisan masyarakat | 1 |
| | F6 | Menyayangi orang tua/kanak-kanak | 1 |
| | F7 | Sifat pemaaf (Mana-mana 3 x 1m) | 1 [3 markah] |
| d | | Nabi Muhammad SAW amat menyayangi kanak-kanak dan orang tua. Bagaimanakah anda melakukan amalan ini dalam kehidupan seharian | |
| | F1 | Memberi perlindungan tempat tinggal | 1 |
| | F2 | Merawat dalam kesakitan | 1 |
| | F3 | Mendidik ilmu yang berguna | 1 |
| | F4 | Menyediakan makanan | 1 |
| | F5 | Memberikan hiburan | 1 |
| | F6 | Menyantuni/mengasihi | 1 |
| | | Mana-mana yang munasabah (Mana-mana 3 x 1m) | 1 [3 markah] |

**Bab 4 : Kemunculan Tamadun Islam dan Perkembangnya di Makkah
(Esei Pendek)**

| Soalan 8 | | Perincian / Butiran | Markah |
|----------|----|---|--------|
| (a) | | Apakah cara yang dilakukan oleh masyarakat Arab Quraisy bagi menggagalkan dakwah tersebut. | |
| | F1 | Mencemuh Rasulullah SAW | 1 |
| | F2 | Mengganggu semasa beribadat | 1 |
| | F3 | Meletakkan benda kotor di tengkuk baginda | 1 |
| | F4 | Cubaan membunuh | 1 |
| | F5 | Memulaukan keluarga baginda | 1 |

| | | | |
|-----|----------------------|--|------------------|
| | F6 F7 F8 F9 | Menyiksa pengikut baginda Menawarkan pangkat/darjat Menawarkan harta Menawarkan wanita | 1 1 1 1 |
| | | (Mana-mana 4 x 1m) | [4 markah] |
| (b) | | Mengapakah penentangan terhadap dakwah Islamiah dilakukan oleh masyarakat Arab Quraisy. | |
| | F1 | <u>Perbezaan dari segi kepercayaan dan amalan</u> | 1 |
| | H1a | Ajaran Islam berasaskan kepada Allah Yang Maha Esa | 1 |
| | H1b | Arab Quraisy mempercayai amalan tradisi turun temurun | 1 |
| | C1 | Menyembah patung berhala, animisme | 1 |
| | F2 | <u>Prinsip persamaan taraf sesama manusia</u> | 1 |
| | H2a | Bertentangan amalan masyarakat jahiliah | 1 |
| | H2b | Perbezaan darjat antara golongan atasan dan bawahan | 1 |
| | F3 | <u>Konsep persaudaraan Islam</u> | 1 |
| | H3a | Bertentangan dengan amalan assabiah | 1 |
| | F4 | <u>Amalan keji dilarang</u> | 1 |
| | H4a | Telah menjadi kebiasaan masyarakat Arab Jahiliah | 1 |
| | C4 | Mencuri, menindas golongan miskin, riba, merompak | 1 |
| | F5 | <u>Tanggapan yang salah terhadap tugas nabi</u> | 1 |
| | H5a | Terpaksa tunduk kepada kepimpinan Nabi Muhammad SAW | 1 |
| | H5b | Wujud persaingan menjadi ketua semenjak dahulu | 1 |
| | H5c | Menggugat pengaruh dan kedudukan keluarga mereka di Makkah | 1 |
| | F6 | <u>Menggugat ekonomi</u> | 1 |
| | H6a | Menjejaskan perusahaan mengukir patung berhala | 1 |
| | H6b | Merupakan sebahagian daripada aktiviti ekonomi | 1 |
| | H6c | Islam melarang penganutnya menyembah berhala | 1 |
| | H6d | Perniagaan berhala akan terjejas | 1 |
| | | (Mana-mana 8 x 1m) | [8 markah] |
| (c) | | Keperibadian Nabi Muhammad SAW menyelesaikan masalah menjadi contoh kepada masyarakat hari ini. Huraikan sifat keperibadian baginda yang boleh anda amalkan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. | |
| | F1 | <u>Tidak pernah berputus asa</u> | 1 |
| | H1a | Menerima dugaan dengan hati terbuka | 1 |
| | H1b | Sentiasa berlapang dada | 1 |
| | F2 | <u>Sentiasa mencari jalan penyelesaian</u> | 1 |
| | H2a | Tidak lari dari masalah yang dihadapi | 1 |
| | H2b | Sabar , cekal dan tidak mengalah | 1 |

| | | | |
|--|-----|--|--------------|
| | C2 | Nabi Muhammad SAW tidak mengalah dengan penentangan Arab Quraisy | 1 1 |
| | F3 | <u>Bijak menyelesaikan masalah</u> | |
| | H3a | Mengambil langkah tertentu yang perlu | 1 |
| | H3b | Sedaya upaya mengurangkan masalah | 1 |
| | C3 | Membenarkan pengikut berhijrah ke Habsyah | 1 1 |
| | F4 | <u>Sentiasa memaafkan</u> | |
| | H4a | Tidak menyimpan dendam | 1 |
| | H4b | Bersikap profesional | 1 |
| | H4c | Memaafkan kesalahan pihak yang pernah membuat aniaya | 1 1 |
| | | Mana-mana munasabah (Mana-mana 8 x 1m) | [8 markah] |